



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Kenapa dihalang ke masjid tetapi dibenarkan ke Pasar Raya ?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Kebenaran untuk pergi ke pasar atau ke kedai adalah atas dasar keperluan. Ianya bertujuan untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian bukan atas dasar suka-suka untuk berjalan-jalan (window shopping). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak membenarkan seseorang itu untuk pergi ke pasar atau ke kedai dengan sewenang-wenangnya, tetapi kebenaran hanya untuk mendapatkan barang-barang keperluan sahaja.

Manakala larangan ke masjid pula adalah tertakluk kepada maslahat dan maqasid syar'iyah yang bertujuan untuk menjaga nyawa, mengelak fitnah lebih besar pada agama Islam dan

menjaga kesihatan umat Islam. Larangan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan dari lebih ramai yang terkena jangkitan COVID-19.

Larangan untuk tidak ke masjid bukanlah bermakna tidak boleh mendirikan solat. Isu ini banyak terdapat dalam kitab-kitab fiqh yang menyebut beberapa keuzuran yang membenarkan seseorang untuk tidak ke masjid. Larangan ke masjid bukannya untuk menghalang umat Islam daripada beribadah tetapi untuk mengelak mafsadah (kerosakan) yang lebih teruk daripada berlaku. Ini terdapat dalam kaedah fiqh yang menyebut :

”كَرَاهَةُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمَةٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ”

Maksudnya : “*Membasmi kerosakan lebih diutamakan berbanding mendapatkan kebaikan*”.

Menunaikan solat berjemaah di masjid banyak kelebihannya, namun disebalik perhimpunan orang yang ramai di dalam masjid boleh juga mengundang kemudaratan kepada orang ramai. Oleh yang demikian, membasmi kemudaratan yang boleh menimpa kesihatan dan nyawa adalah lebih utama berbanding mengundang masalahat.

Justeru itu pergi ke pasar untuk mendapatkan keperluan harian seperti makanan dan ubat-ubatan adalah suatu keperluan darurat. Manakala pergi ke masjid bukanlah keperluan yang darurat dan hajiyyat yang tinggi. Kalau orang ramai tidak ke pasar mereka akan lebih susah kerana ketiadaan makanan dan barang keperluan yang lain untuk meneruskan kehidupan. Akan tetapi sekiranya masjid **DITUTUP UNTUK SEMENTARA WAKTU**, orang ramai masih boleh meneruskan hidup dan beribadah di rumah masing-masing bersama keluarga kerana ia bukanlah keperluan yang mendesak.

Pada masa kini, hujan lebat dan angin kencang tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak ke masjid. Hal ini kerana kemudahan untuk ke masjid telah disediakan seperti kenderaan dan keadaan jalan yang semakin canggih. Berbeza dengan zaman dahulu, apabila hujan turun, jalan akan penuh berlecek dan berlumpur yang menyebabkan kesukaran dan menimbulkan bahaya kepada orang ramai. Sebab dan keuzuran boleh berubah-ubah mengikut keadaan dan zaman. Wabak COVID-19 ini adalah keuzuran zaman ini yang kian meruncing. Wabak ini pula bukan calang-calang keuzuran kerana ia melibatkan nyawa.

Masjid dan pasar kedua-duanya mempunyai risiko untuk dijangkiti wabak ini akibat daripada menjadi tumpuan ramai. Akan tetapi jika kita tidak ke pasar atau ke pasaraya untuk membeli barang keperluan harian kerana telah kehabisan maka akan menimbulkan kesusahan untuk meneruskan kehidupan. Kebenaran untuk ke pasar adalah berdasarkan kadar keperluan disamping adanya kawalan yang ketat oleh pihak berkuasa. Tindakan ini sebenarnya bertepatan dengan satu kaedah fiqh yang menyebut :

"الضَّرْرُ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ"

Maksudnya : "*Kemudaran itu perlu dibasmi dengan sedaya upaya yang mungkin*".

"أَوْ دَفْعُ الضَّرْرِ وَجَبَ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ"

Atau dengan kata lain, "*membasmi kemudaran itu wajib dilakukan dengan sedaya upaya yang mungkin*".

Oleh sebab itu apabila kerajaan tidak dapat melarang atau menghalang seluruh rakyat daripada pergi ke pasar untuk mendapatkan barang keperluan, maka kerajaan berusaha meletakkan syarat bahawa seorang sahaja ahli keluarga yang dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan harian dalam tempoh masa yang tidak lama, maksud disini bukanlah menghabiskan masa berjam-jam berada didalam pasaraya tersebut.

Adapun bagi masjid dan surau, keperluan untuk beribadah dikedua-dua tempat ini boleh dialihkan **SEMENTARA WAKTU** ke rumah masing-masing bersama ahli keluarga sehingga keadaan kembali pulih. Lagipun bila masjid di tutup, azan masih lagi dilaungkan seperti biasa apabila masuknya waktu solat dan masih lagi ada imam dan bilal yang bertugas yang solat berjemaah di masjid dan surau masing-masing. Akan tetapi ianya terhad kepada imam dan bilal yang bertugas sahaja yang dibenarkan solat berjemaah di dalam masjid dan surau.

Walaupun masjid ditutup **SEMENTARA**, keperluan ibadah tetap dapat berjalan tanpa gangguan sedikitpun. Setiap muslim tetap dapat menjalankan ibadah solat di rumah masing-masing. Malah majlis ilmu masih boleh dijalankan secara dalam talian. Itupun sudah dikira baik, bak kata pepatah :

“tiada rotan akar pun berguna”.

Kesimpulannya, kalau tidak boleh pergi ke masjid, umat Islam tidak akan kelaparan. Bukan niat untuk mengekang syiar Islam tetapi keadaan sekarang sangat kritikal. Bayangkan beberapa hari sahaja angka yang disahkan positif COVID-19 meningkat secara mendadak dan adanya kematian. Sebaliknya kalau semua orang dihalang daripada pergi ke pasar untuk mendapatkan barang keperluan harian maka keluarga akan berada dalam kelaparan dan kehidupan akan jadi lebih susah.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ وَالْمَأْبُ

Rujukan :

1. Asybah Wan Nazhoir, Imam Jalaluddin Assuyuti.
2. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>